

P.U. (A) 81.**AKTA SETEM 1949****PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) 2011**.

Tafsiran

2. Dalam perintah ini—

“kemudahan pembiayaan Islam” ertinya kemudahan yang diberi oleh seseorang pembiaya kepada seseorang pelanggan di bawah skim pembiayaan mengikut prinsip Syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Shariah mengenai Kewangan Islam yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701];

“penjadualan semula” ertinya penukaran terma-terma pembayaran balik;

“penyusunan semula” ertinya penukaran bentuk atau struktur kemudahan atau terma-terma lain kemudahan.

Peremitan

3. Duti setem atas mana-mana surat cara berkaitan kemudahan pembiayaan Islam yang disempurnakan antara seseorang pelanggan dengan seseorang pembiaya bagi maksud penjadualan semula atau penyusunan semula kemudahan pembiayaan Islam yang sedia ada diremitkan setakat duti yang kena dibayar atas baki amaun prinsipal bagi kemudahan pembiayaan secara Islam yang sedia ada:

Dengan syarat bahawa surat cara bagi kemudahan pembiayaan secara Islam yang sedia ada itu telah disetem dengan sewajarnya di bawah butiran 22 atau 27 Jadual Pertama kepada Akta.

Perkara yang hendaklah dinyatakan di dalam surat cara

4. Bagi maksud Perintah ini, mana-mana surat cara yang disebut dalam perenggan 3 hendaklah menyatakan—

(a) nama institusi kewangan yang daripadanya kemudahan pembiayaan secara Islam yang sedia ada itu diperoleh pada asalnya; dan

(b) baki amaun prinsipal bagi kemudahan pembiayaan secara Islam yang sedia ada.

Pembatalan

5. Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 6) 2002 [P.U. (A) 433/2002] yang disiarkan pada 28 Oktober 2002 dibatalkan.

Dibuat 28 Februari 2011
[CR(8.09)294/6/4-9(SJ. 5) Vol. 3; PN(PU²)159/XXXV;
LHDN.01/12.5/353/65(2011)]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (REMISSION) ORDER 2011

In exercise of the powers conferred by subsection 80(2) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Stamp Duty (Remission) Order 2011**.

Interpretation

2. In this Order—

“Islamic financing facility” means a facility granted by a financier to a customer under a scheme of financing in accordance with the principles of Syariah as approved by the Shariah Advisory Council on Islamic Finance established under the Central Bank of Malaysia Act 2009 [Act 701];

“rescheduling” means changing the terms of repayment;

“restructuring” means changing the form or structure of a facility or other terms of the facility.

Remission

3. The stamp duty on any instrument relating to an Islamic financing facility executed between a customer and a financier for the purpose of rescheduling or restructuring any existing Islamic financing facility is remitted to the extent of the duty that shall be payable on the balance of the principal amount of the existing Islamic financing facility:

Provided that the instrument for the existing Islamic financing facility had been duly stamped under item 22 or 27 of the First Schedule to the Act.

Matters to be stated in instrument

4. For the purpose of this Order, any instrument referred to in paragraph 3 shall state—

- (a) the name of the financial institution from which the existing Islamic financing facility was originally obtained; and
- (b) the balance of the principal amount of the existing Islamic financing facility.

Revocation

5. The Stamp Duty (Remission) (No. 6) Order 2002 [P.U. (A) 433/2002] published on 28 October 2002 is revoked.

Made 28 February 2011
 [CR(8.09)294/6/4-9(SJ. 5) Vol. 3; PN(PU²)159/XXXV;
 LHDN.01/12.5/353/65(2011)]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana sebahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau ditiru dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekarikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak Repade Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
 KUALA LUMPUR
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
PNMB